

IKLAN



SINGAPURA

# Pusat kajian baharu di SG selidik rawatan berkesan bagi pesakit Asia

Anggaran Waktu Membaca: 1 min



Diterbitkan : 20 Sep 2023 07:36PM

Dikemas Kini : 20 Sep 2023 09:35PM



SINGAPURA: Kini ada sebuah pusat kajian baharu di Singapura yang mengkaji jenis rawatan lebih berkesan khusus bagi orang Asia yang menghidap penyakit pernafasan kronik seperti asma.

Penyakit sedemikian adalah antara 20 punca utama kehilangan upaya di sini.

IKLAN



Inisiatif Pernafasan Akademik bagi Pusat Penyelidikan Kesihatan Pulmonari (TARIPH) dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Heng Swee Keat.

Terletak di kampus Novena Universiti Teknologi Nanyang, ia menyatukan hampir 50 badan tempatan dan antarabangsa termasuk makmal, hospital dan universiti.

Ia juga memanfaatkan kepakaran lebih 500 saintis dan rakan industri.

Selain itu, para pesakit juga akan didampingi sebagai rakan kerja bagi membantu membentuk hala tuju kajian tersebut.

Para penyelidik menyatakan, terdapat jurang pengetahuan mengenai penyakit pernafasan dalam kalangan orang Asia.

## Lebih banyak artikel Berita



Tiada sebarang 'niat jahat' dari insiden he...



Wanita tidak segan silu minta 'tapau' lauk ...



Iran perkenal hukuman berat bagi wanita ...



Ayam hidup dalam pameran Galeri Nasion...

Recommended by Outbrain



Kajian-kajian sedia ada kebanyakannya tertumpu kepada orang Eropah.

Ketua bersama akademik TARIPH NTU Profesor Madya Sanjay Chotirmall berkata: "Kita perlukan kajian yang tertumpu kepada orang Asia kerana itulah yang akan memberi kita maklumat tentang para pesakit dalam sekitaran kita. Yang kedua, baka kita adalah berbeza. Kepercayaan budaya kita berbeza. Tabiat pemakanan kita berbeza."

*Sumber : CNA/Al/at*



fnp.sg

FNP® Plants Singapore  
FNP Singapore